

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : ST(IP/JKE)PE/15/01/1 (50)
Tarikh : 18 Januari 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN 1



Y. Bhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KEPERLUAN ORANG KOMPETEN MENGENDALIKAN MAKMAL VOLTAN TINGGI DI BAWAH AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pengendalian kelengkapan elektrik di makmal Voltan Tinggi hendaklah dikendalikan oleh orang kompeten selaras peruntukan seksyen 23(1), Akta Bekalan Elektrik 1990 :-

“Tiada pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik selain daripada yang dipunyai atau diuruskan oleh pihak berkuasa bekalan boleh dikerjakan atau dikendalikan kecuali oleh atau di bawah kawalan orang kompeten yang memiliki apa-apa perakuan sebagaimana yang ditetapkan, dan tiada seorang pun yang tidak memiliki kelayakan atau memegang perakuan seperti yang disebut terdahulu boleh menjaga apa-apa pemasangan atau boleh mengawal pengendalian apa-apa loji atau kelengkapan”

3. Sekiranya terdapat makmal voltan tinggi di pemasangan Y. Bhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan, orang kompeten yang bersesuaian hendaklah dilantik mengikut kadaran voltan tertinggi makmal tersebut.

4. Suruhanjaya ingin mengingatkan mana-mana pihak yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen 23(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah peruntukkan seksyen 23(2) Akta Bekalan Elektrik 1990:-

“Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, jika pelanggaran itu diteruskan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama pelanggaran itu diteruskan selepas sabitan”.

5. Sekiranya pihak Y. Bhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu penerangan lebih lanjut berkenaan perkara ini, pihak Tuan boleh menghubungi pegawai bertugas iaitu **En. Shaiful Rizal (03-8870 8678)** atau email shaiful@st.gov.my

Sekian, terima kasih.



(MOHD ELMI BIN ANAS)

Pengarah

Jabatan Kawalselia Keselamatan

s.k:

- (1) Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Tenaga

- (2) Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga

- (3) Pengarah Kawasan
Negeri Pulau Pinang, Kedah & Perlis
Tingkat 10, Bangunan KWSP,
13700 Seberang Jaya, Butterworth, Pulau Pinang

- (4) Pengarah Kawasan
Negeri Perak
Tingkat 1, Bangunan KWSP
Jalan Greentown
30450 Ipoh, Perak.